**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG**

Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Kontrak di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang.**

## A. JAWATAN PENTADBIRAN

| BIL | JAWATAN | GRED | SKIM PERKHIDMATAN | JADUAL GAJI | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | MINIMUM | MAKSIMUM |
| KUMPULAN PELAKSANA | | | | | |
| 1. | Pegawai Eksekutif (Kontrak) | N29 | Penolong Pegawai Tadbir | RM 1,493.00 | RM 5,672.00 |

### 1. PEGAWAI EKSEKUTIF KONTRAK (N29)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau

(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau

(iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

1. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN dan hendaklah disertakan dengan SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN YANG DIKEMAS KINI.

2. Setiap permohonan MESTILAH disertakan dengan SALINAN dokumen berikut yang telah DISAHKAN:
   - Kad Pengenalan
   - Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
   - Diploma (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
   - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji
   - Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini (bagi kakitangan kerajaan/ Badan Berkanun/ separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
   - Salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun berturut-turut (penjawat awam jika ada)

3. Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaan / badan berkanun / separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan tidak akan diproses.

4. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.

5. Pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak universiti selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap tidak berjaya.

6. Pemohon–pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang.

**CARA- CARA MEMBUAT PERMOHONAN**

(a) Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan UiTM yang boleh didapati dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Pulau Pinang https://penang.uitm.edu.my/main/

(b) Tarikh tutup permohonan adalah pada **21 April 2022 (Khamis).**

(c) Sila kemukakan permohonan kepada :

TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG
KAMPUS PERMATANG PAUH
13500 PERMATANG PAUH
PULAU PINANG

NO. TEL: (04) 382 2888/ 2899/ 2857

**Tarikh iklan : 8 April 2022 (Jumaat)**